



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLES KOMUNITI



GARIS PANDUAN PERMOHONAN DANA INOVASI CMET

2026

© Hakcipta terpelihara.

Tiada mana-mana bahagian daripada buku ini yang boleh disiarterbitkan semula dalam sebarang bentuk dan dengan apa cara sekalipun termasuklah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin bertulis daripada Penerbit dan Pemilik Hakcipta UNIT PENERBITAN Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

GARIS PANDUAN PERMOHONAN DANA INOVASI CMET

Terbitan Pertama 2026

eISBN No: 978-629-7667-71-3

Diterbitkan oleh
UNIT PENERBITAN
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Persiaran Usahawan, Seksyen U1,
40150 Shah Alam Selangor
Telephone No.: +603 5163 4000
Fax No.: +603 5569 1903

SIDANG REDAKSI

Penaung

PgKB II (K) Ts. Dr. Ahmad Aftas Bin Azman

Penasihat I

Dr. Sulaiman Bin Mohamed khalid

Penasihat II

Wee Soo Lee

Penyunting

Ts. Dr. Rusnani Binti Yahya

Ts. Ilya Binti Ismail

Penulis

Dr. Fazida Binti Adlan

Aslinda Binti Zamah Shari

Khairiani Binti Othman

Nur Shaheera Mumtaz Binti Sahadan

Pereka Grafik

Siti Sabariah Binti Salihin

Dr. Rohaniza Binti Mohd Zali

KANDUNGAN

KATA ALUAN PENAUANG	i
KATA ALUAN PENGURUS CMET	ii
GLOSORI	iii
BAHAGIAN 1 : PENGENALAN	1
BAHAGIAN 2: SYARAT DAN KRITERIA PERMOHONAN	5
BAHAGIAN 3: TATACARA PERMOHONAN DAN TUNTUTAN	12
BAHAGIAN 4: PROSES PENILAIAN DAN KELULUSAN	16
BAHAGIAN 5: TATACARA KEWANGAN	21
BAHAGIAN 6: PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	26
BAHAGIAN 7: PENAMATAN, PENALTI DAN PENGECUALIAN	30
BAHAGIAN 8: CARTA ALIR PROSES DANA INOVASI CMET	35
LAMPIRAN	
Lampiran 1: Borang Support Fund Application (CMET/DIC/SFA/Pin.2025)	37
Lampiran 2: Borang Conference/Publication/Competition /Copyright (Report) (CMET/DIC/CPCCR/Pin.2025)	38

KATA ALUAN PENAUNG



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Buku Garis Panduan Permohonan Dana Inovasi CMET ini berjaya diterbitkan sebagai satu dokumen rujukan penting kepada warga Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA).

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Centre for Medical Electronic Technology (CMET) atas inisiatif proaktif dalam membangunkan penerbitan ini. Usaha murni ini jelas mencerminkan komitmen CMET dalam memperkasa budaya inovasi serta meningkatkan keberkesanan pengurusan dana inovasi secara lebih tersusun, telus dan berimpak tinggi.

Seiring dengan hala tuju institusi, PSA juga komited untuk terus meluaskan penglibatan warga dalam aktiviti penerbitan, inovasi, persidangan serta pembangunan harta intelek. Budaya ini bukan sahaja memperkukuh kecemerlangan akademik dan teknikal, malah menjadi pemangkin kepada peningkatan reputasi PSA sebagai institusi TVET yang progresif dan berorientasikan masa depan.

Selaras dengan aspirasi Pelan Pendidikan Terbaharu 2026–2035, penerbitan ini turut menyokong agenda pemerkasaan TVET melalui penghasilan inovasi berimpak, pengukuhan elemen komersialisasi dan penerapan nilai keusahawanan dalam kalangan warga PSA. Saya amat berharap agar buku garis panduan ini menjadi rujukan utama kepada seluruh warga PSA, khususnya yang terlibat dalam bidang Kejuruteraan Elektronik Perubatan, dalam menggerakkan projek inovasi yang relevan, berdaya saing serta memberi manfaat kepada masyarakat dan industri.

Saya yakin bahawa garis panduan ini akan menjadi platform yang jelas dan praktikal dalam membimbing pemohon, mempercepatkan proses pelaksanaan inovasi, serta memastikan setiap dana yang disalurkan dapat menghasilkan output dan outcome yang bermakna. Semoga penerbitan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan menjadi pemangkin kepada lebih banyak pencapaian inovasi serta kejayaan komersialisasi pada masa akan datang.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada CMET dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan ini. Semoga segala usaha ini diberkati dan terus menyumbang kepada kecemerlangan PSA sebagai peneraju TVET yang unggul.

KATA ALUAN PENGURUS CMET



Salam Sejahtera.

Dengan penuh rasa syukur dan penghargaan, Buku Garis Panduan Permohonan Dana Inovasi CMET ini dapat disediakan sebagai rujukan rasmi kepada warga Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dalam memperkukuh aktiviti penyelidikan dan inovasi berteraskan bidang tujuhan CMET iaitu Kejuruteraan Elektronik Perubatan. Buku Garis Panduan Dana Inovasi CMET ini disediakan sebagai rujukan rasmi kepada warga Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dalam memperkukuh aktiviti penyelidikan dan inovasi berteraskan bidang tujuhan CMET iaitu Kejuruteraan Elektronik Perubatan.

Penyelidikan dan inovasi merupakan pemangkin utama dalam meningkatkan daya saing institusi serta memperluas impak kepakaran di peringkat nasional dan antarabangsa. Sehubungan itu, penubuhan Dana Inovasi CMET adalah selari dengan aspirasi PSA untuk memperkasakan budaya ilmu, mempertingkatkan kualiti penerbitan, menyokong pembentangan hasil kajian, menggalakkan penyertaan pertandingan inovasi, serta mempercepatkan urusan perlindungan harta intelek (IP) bagi produk dan idea yang berpotensi.

Buku garis panduan ini diwujudkan bagi memastikan takbir urus dana secara sistematik, telus dan berintegriti, selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Kerajaan Malaysia serta prosedur kewangan institusi yang sedang berkuat kuasa. Diharapkan garis panduan ini dapat membantu pemohon memahami skop pembiayaan, syarat kelayakan dan proses permohonan dengan lebih jelas serta memudahkan urusan pelaksanaan di peringkat jabatan dan institusi.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang idea, tenaga dan komitmen dalam menjayakan penghasilan buku panduan ini. Semoga Dana Inovasi CMET ini menjadi pemangkin kepada penghasilan penyelidikan dan inovasi yang berimpak tinggi, memberi manfaat kepada masyarakat serta memperkukuh reputasi PSA sebagai institusi peneraju TVET yang unggul dan berdaya saing.

GLOSORI

CMET	Center for Medical Electronic Technology
PSA	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
COT	Centre of Technology
TVET	Technical and Vocational Education and Training
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
RPTM	Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia
WMA	World Medical and Health Sciences Association / World Medical Academy / World Medical Archive
WASET	World Academy of Science, Engineering and Technology
R&I	Research and Innovation
EFT	Electronic Fund Transfer
SFA	Support Fund Application
CPCCR	Conference/Publication/Competition/Copyright (Report)

BAHAGIAN 1

Pengenalan

1.1 LATAR BELAKANG

Dana Inovasi CMET ditubuhkan sebagai satu inisiatif strategik bagi menyokong dan memperkukuhkan ekosistem penyelidikan dan inovasi berimpak tinggi dalam kalangan warga Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), selaras dengan KPI Centre of Technology (COT), agenda TVET Negara, serta dasar-dasar semasa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) termasuk Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035, yang menekankan pemerkasaan penyelidikan inovasi, kolaborasi industri dan penghasilan inovasi berasaskan industri sebenar.

Melalui dana ini, CMET menyasarkan pencapaian KPI COT yang meliputi peningkatan bilangan penyelidikan inovasi berimpak tinggi, penghasilan harta intelek, pengukuhan jaringan kolaborasi industri, serta peningkatan visibiliti CMET di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Justeru itu, buku garis panduan ini memastikan integriti dan ketelusan tadbir urus Dana Inovasi CMET. Setiap permohonan tertakluk kepada syarat dan kriteria permohonan (Bahagian 2), tatacara permohonan dan tuntutan (Bahagian 3), penilaian dan kelulusan (Bahagian 4) dan tatacara kewangan (Bahagian 5). Juga turut tertakluk kepada prosedur pematuhan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Kerajaan Malaysia serta garis panduan institusi yang sedang berkuatkuasa.

1.2 RASIONAL

Penubuhan Dana Inovasi CMET berasaskan keperluan untuk memperkukuhkan ekosistem penyelidikan dan inovasi PSA melalui:

- i. Peningkatan kualiti penerbitan, khususnya dalam jurnal berwasit atau terindeks, bagi menyumbang kepada perkembangan ilmu dan pengukuhan reputasi akademik institusi.
- ii. Penyediaan pembiayaan untuk pembentangan penyelidikan, samaada di persidangan kebangsaan dan antarabangsa, bagi membuka ruang kolaborasi strategik, perkongsian ilmu dan pengiktirafan kajian.
- iii. Galakan penyertaan dalam pertandingan inovasi, sebagai usaha membina budaya kreativiti, penyelesaian masalah dan penghasilan rekacipta dalam kalangan staf dan pelajar.
- iv. Melancarkan urusan perlindungan harta intelek (IP) untuk memastikan inovasi warga PSA diiktiraf, dilindungi dan didokumentasikan secara sistematik.

Melalui sokongan ini, Dana Inovasi CMET diharapkan dapat memperkukuh kapasiti penyelidik dalam penerbitan, komunikasi ilmiah, perlindungan inovasi serta pencapaian pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa.

1.3 SKOP PEMBIAYAAN DANA

Dana Inovasi CMET meliputi empat kategori utama pembiayaan seperti berikut:

i. Dana Sokongan Penerbitan Jurnal

Pembiayaan bagi kos penerbitan artikel ilmiah dalam jurnal akademik yang menjalani proses semakan rakan sebaya, sama ada berindeks atau tidak berindeks, dengan syarat jurnal tersebut memenuhi kriteria kualiti dan kredibiliti akademik yang ditetapkan.

ii. Dana Sokongan Pembentangan di Persidangan Akademik

Pembiayaan bagi yuran penyertaan atau pembentangan kertas kajian di persidangan akademik yang diiktiraf.

iii. Dana Sokongan Penyertaan Pertandingan Inovasi

Pembiayaan bagi kos penyertaan pertandingan inovasi di pelbagai peringkat samada institusi, kebangsaan atau antarabangsa.

iv. Dana Sokongan Permohonan Perlindungan Harta Intelek

Pembiayaan khusus bagi permohonan perlindungan harta intelek melalui MyIPO bagi produk inovasi yang dibangunkan di PSA.

1.4 HAD PEMBIAYAAN DANA

Had pembiayaan* adalah seperti berikut:

- i. Penerbitan Jurnal: **maksimum RM1,000**
- ii. Pembentangan Persidangan: **maksimum RM1,000**
- iii. Pertandingan Inovasi: **maksimum RM500**
- iv. Permohonan Perlindungan Harta Intelek: **maksimum RM200**

**Pembiayaan adalah berdasarkan kos yuran sahaja, manakala kos tambahan seperti yuran keahlian, makan, minum, perjalanan, penginapan, insurans, bahan pameran dan lain-lain adalah tidak ditanggung.*

BAHAGIAN 2

SYARAT DAN KRITERIA PERMOHONAN

2.1 KELAYAKAN PEMOHON

- 2.1.1 Pemohon mestilah terdiri daripada:
- a) Pensyarah tetap atau kontrak Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA); atau
 - b) Staf pentadbiran yang terlibat sebagai penyelidik atau ketua projek inovasi
- 2.1.2 Penyelidik mesti menghantar kertas cadangan kajian dalam bidang berkaitan Elektronik Perubatan kepada CMET bersama penghantaran borang permohonan dana.
- 2.1.3 Permohonan perlu terlibat secara langsung dengan aktiviti penyelidikan atau inovasi berkaitan bidang elektronik perubatan.

2.2 KRITERIA MENGIKUT KATEGORI PERMOHONAN

2.2.1 Dana Sokongan Penerbitan Jurnal

Permohonan kategori ini tertakluk kepada syarat berikut

- i. Artikel hendaklah diterbitkan dalam jurnal akademik yang menjalani proses semakan peer-review, sama ada berindeks atau tidak berindeks, dengan syarat jurnal tersebut memenuhi kriteria kualiti dan kredibiliti akademik yang ditetapkan.
- ii. Artikel boleh berbentuk *full article*, *review article*, atau *short communication*.
- iii. Jurnal yang tersenarai dalam kategori *predatory* atau berpotensi *predatory* (contoh: WMA, WASET, jurnal tidak terdaftar dalam pengkalan data sah) tidak dibenarkan.

2.2.2 Dana Sokongan Pembentangan di Persidangan

- a) Persidangan mestilah persidangan akademik yang dianjurkan oleh badan profesional / akademik yang diiktiraf.
- b) Pembentangan boleh berbentuk oral presentation atau poster presentation, tetapi mesti melibatkan kertas kajian penuh yang dihantar kepada penganjur.
- c) Persidangan secara fizikal atau maya adalah dibenarkan.

2.2.3 Dana Sokongan Penyertaan Pertandingan Inovasi

- a) Pertandingan inovasi yang diiktiraf sama ada peringkat institusi, kebangsaan atau antarabangsa.
- b) Produk atau inovasi mestilah hasil penyelidikan PSA dan mempunyai nilai akademik atau komersial.
- c) Dana hanya menampung yuran penyertaan pertandingan.

2.2.4 Dana Sokongan Perlindungan Harta Intelek

- a) Permohonan adalah untuk perlindungan hak cipta produk inovasi di bawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).
- b) Produk hendaklah dibangunkan dan diselia oleh penyelidik dari PSA.
- c) Dana terhad kepada jumlah yang dinyatakan dalam para 1.4
Had Pembiayaan Dana

2.3 KEPERLUAN AFLIASI DAN PENGHARGAAN

- 2.3.1 Semua artikel, pembentangan atau dokumentasi inovasi yang menerima pembiayaan daripada CMET mesti meletakkan:

Afiasi (*Affiliation*)

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor, Malaysia

Penghargaan (*Acknowledgement*)

“This research was financially supported by the Center for Medical Electronic Technology (CMET) and Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah and the Center for Medical Electronic Technology (CMET).”

- 2.3.2 Kegagalan mematuhi keperluan ini boleh menyebabkan tuntutan ditolak.

2.4 HAD PERMOHONAN

2.4.1 Setiap kajian atau projek inovasi hanya dibenarkan membuat **SATU (1)** permohonan sahaja pada tahun semasa bagi salah satu daripada kategori berikut:

- i. Dana sokongan Penerbitan
- ii. Dana Sokongan Pembentangan
- iii. Dana Sokongan Pertandingan Inovasi
- iv. Dana Sokongan Perlindungan Hak Cipta

2.4.2 Dana hanya menampung yuran yang jelas, rasmi dan disahkan melalui invoice atau resit rasmi.

2.5 PEMBIAYAAN YANG TIDAK BOLEH DITUNTUT

2.5.1 Dana tidak boleh digunakan untuk:

- a) Tiket penerbangan, penginapan, makanan atau perjalanan
- b) Kos percetakan poster atau bahan pameran
- c) Pembelian peralatan, software atau consumables
- d) Yuran keahlian persatuan
- e) Konferensi yang meragukan atau bertaraf *predatory*
- f) Penerbitan jurnal *predatory*
- g) Pertandingan inovasi yang tidak diiktiraf

BAHAGIAN 3

TATACARA PERMOHONAN DAN TUNTUTAN

3.1 TATACARA PERMOHONAN

- 3.1.1 Pemohon perlu mengisi Borang Permohonan Dana Sokongan (Lampiran 1) dengan lengkap dan mendapatkan pengesahan Ketua Penyelidik/Penyelia Projek.
- 3.1.2 Semua permohonan mesti disertakan dokumen sokongan (proposal).
- 3.1.3 Permohonan yang tidak lengkap, tidak disahkan atau tiada dokumen sokongan tidak akan diproses.
- 3.1.4 Permohonan boleh dihantar melalui:
 - a) Serahan fizikal ke Unit Research & Innovation, CMET, atau
 - b) E-mel rasmi: cmet@psa.edu.my.

3.2 PROSES KELULUSAN PERMOHONAN

- 3.2.1 Urusetia CMET akan menyemak semua permohonan. Dokumen yang tidak lengkap akan dikembalikan
- 3.2.2 Permohonan yang lengkap akan dibawa ke Mesyuarat CMET untuk penilaian.
- 3.2.3 Mesyuarat boleh memutuskan:
 - a) Diluluskan
 - b) Tidak Diluluskan
 - c) Ditangguh (KIV)
- 3.2.4 Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada penyelidik melalui e-mel rasmi.
- 3.2.5 Kelulusan adalah tertakluk kepada peruntukan semasa dan kepatuhan kepada syarat permohonan.

3.3 PROSES TUNTUTAN

- 3.3.1 Pemohon perlu melengkapkan Borang Laporan CPCCR (Lampiran 2)
- 3.3.2 Borang Laporan CPCCR dan dokumen sokongan boleh dihantar melalui:
 - a) Serahan fizikal ke Unit R&I CMET, atau
 - b) E-mel ke cmet@psa.edu.my
- 3.3.3 Dokumen lengkap beserta borang tuntutan yuran perlu diserahkan oleh pemohon kepada Unit Kewangan PSA untuk pemprosesan bayaran.
- 3.3.4 Resit asal mesti diserahkan secara fizikal untuk tujuan tuntutan dan pengesahan audit.
- 3.3.5 Unit Kewangan memproses pembayaran melalui Electronic Fund Transfer (EFT).
- 3.3.6 Proses bayaran mengambil masa **14 hari** bekerja selepas semua dokumentasi yang lengkap telah diterima.
- 3.3.7 Tuntutan perlu di buat pada tahun semasa sebelum bulan **OKTOBER**.

3.4 DOKUMEN SOKONGAN TUNTUTAN

Pemohon wajib melampirkan dokumen sokongan berikut berdasarkan jenis permohonan:

Pembentangan Konferensi	Penerbitan Jurnal	Pertandingan Inovasi	Permohonan Hak Cipta
a) Salinan surat kelulusan dana inovasi CMET	a) Salinan surat kelulusan dana inovasi CMET	a) Salinan surat kelulusan dana inovasi CMET	a) Salinan surat kelulusan dana inovasi CMET
b) Slaid pembentangan (PDF) / kertas kajian penuh	b) Artikel penuh versi akhir (<i>published version</i> / <i>accepted version</i>)	b) Sijil penyertaan / sijil kemenangan	b) Resit rasmi MyIPO
c) Sijil pembentangan / kehadiran	c) Resit rasmi yuran penerbitan	c) Poster inovasi atau bahan pameran (PDF)	c) Nombor fail permohonan / acknowledgement MyIPO
d) Resit rasmi pembayaran yuran konferensi	d) DOI artikel (jika telah diterbitkan)	d) Resit rasmi yuran pertandingan	d) Sijil MyIPO (jika telah terima)
e) Buku program			
g) Bukti penerbitan prosiding kertas kajian			

BAHAGIAN 4

PROSES PENILAIAN DAN KELULUSAN

4.1 SEMAKAN AWAL OLEH URUSETIA CMET

- 4.1.1 Semua permohonan Dana Inovasi CMET yang diterima akan melalui proses semakan awal oleh Unit Research & Innovation (R&I), CMET.
- 4.1.2 Semakan ini bertujuan untuk memastikan:
- a) Borang permohonan diisi dengan lengkap
 - b) Dokumen sokongan disertakan
 - c) Permohonan memenuhi syarat kelayakan dalam Bahagian 2
 - d) Tiada pertindihan permohonan (double-dipping) bagi kajian atau aktiviti yang sama
 - e) Permohonan telah mendapat pengesahan Ketua Penyelidik/ Penyelia dan Pengurus CMET.
- 4.1.2 Permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada pemohon untuk pembetulan sebelum dibawa ke peringkat penilaian

4.2 PENILAIAN PERMOHONAN DI MESYUARAT CMET

- 4.2.1 Semua permohonan yang melepasi semakan awal akan dibentangkan dalam Mesyuarat CMET.
- 4.2.2 Mesyuarat akan menilai permohonan berdasarkan kriteria berikut:
- a) Kepatuhan terhadap syarat permohonan seperti indeks jurnal, syarat konferensi, atau bukti MyIPO.
 - b) Relevansi projek dengan bidang elektronik perubatan.
 - c) Potensi impak akademik atau inovasi.
 - d) Kos yuran dan kesesuaian pembiayaan.
 - e) Rekod pemohon, termasuk pematuhan terhadap tuntutan dan penghantaran dokumen dalam permohonan terdahulu.
 - f) Peruntukan kewangan semasa dalam Tabung Amanah

4.3 KES PERMOHONAN DITOLAK

4.3.1 Permohonan boleh ditolak atas mana-mana alasan berikut:

- a) Tidak mematuhi syarat kelayakan;
- b) Dokumen sokongan tidak lengkap atau tidak sah;
- c) Aktiviti tidak selari dengan niche CMET;
- d) Konferensi atau jurnal yang meragukan atau tergolong dalam kategori predatory;
- e) Permohonan lewat dihantar;
- f) Pemohon mempunyai rekod ketidakpatuhan dalam permohonan terdahulu.

4.3.2 Penolakan adalah muktamad, namun pemohon boleh membuat permohonan baharu untuk aktiviti lain yang mematuhi syarat dana.

4.4 PERTIMBANGAN DAN SEMAKAN SEMULA (KIV) (JIKA PERLU)

- 4.4.1 Permohonan yang ditangguhkan untuk semakan (KIV) boleh dipertimbang semula setelah pemohon mengemukakan maklumat tambahan yang diperlukan.
- 4.4.2 Jawatankuasa Dana Inovasi CMET berhak menetapkan tempoh masa tertentu untuk pemohon mengemukakan dokumen tambahan sebelum permohonan dibatalkan secara automatik.

4.5 REKOD & DOKUMENTASI KEPUTUSAN

- 4.5.1 Semua keputusan mesyuarat akan direkodkan dalam Minit Mesyuarat CMET.
- 4.5.2 Rekod permohonan, kelulusan, penolakan atau penangguhan untuk semakan (KIV) akan disimpan oleh Unit R&I CMET untuk tujuan audit dan rujukan masa hadapan.

BAHAGIAN 5

TATACARA KEWANGAN

5.1 PRINSIP UMUM KEWANGAN

- 5.1.1 Semua perbelanjaan dan tuntutan di bawah Dana Inovasi CMET mesti mematuhi Arahan Perbendaharaan Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan, dan dasar kewangan rasmi PSA.
- 5.1.2 Pembiayaan diberikan secara tuntutan semula (reimbursement based), dan bukan melalui pembayaran terus kepada penganjur.
- 5.1.3 Hanya yuran rasmi yang dinyatakan dalam skop pembiayaan diluluskan. Sebarang kos sampingan, tambahan atau tidak berkaitan tidak boleh dituntut.

5.2 DOKUMEN KEWANGAN WAJIB

Untuk memastikan kesahihan dan pematuhan audit, pemohon wajib menyediakan:

- a) Resit asal yang sah dan dikeluarkan oleh penganjur/ penerbit/ MyIPO
- b) Invoice rasmi (jika ada)
- c) Bukti transaksi pembayaran (bank slip / payment confirmation)
- d) Surat kelulusan dana daripada CMET
- e) Dokumen sokongan aktiviti seperti dalam Bahagian 3.5.
Tanpa resit asal, tuntutan tidak akan diproses.

5.3 KAEDAH PEMBAYARAN DAN TANGGUNGJAWAB PEMOHON

- 5.3.1 Pemohon perlu mendahulukan yuran aktiviti sebelum tuntutan dibuat.
- 5.3.2 Tuntutan dilakukan selepas aktiviti selesai dengan menyerahkan semua dokumen bukti seperti yang ditetapkan.
- 5.3.3 Hanya pemohon yang diluluskan sahaja layak menerima pembayaran.

5.4 LARANGAN PERBELANJAAN

Dana ini tidak boleh digunakan untuk membiayai:

- a) Tiket penerbangan, pengangkutan, tol, minyak atau tambang
- b) Penginapan atau makan minum
- c) Cetakan poster, banner atau bahan pameran
- d) Pembelian peralatan, perisian atau alat guna habis
- e) Yuran keahlian badan profesional
- f) Kos sewaan booth atau penyertaan pameran yang pertandingan
- g) Konferensi atau jurnal tidak berindeks atau meragukan
- h) Yuran pembetulan artikel (correction fees)

5.5 TEMPOH PEMROSESAN TUNTUTAN

5.5.1 Setelah dokumen lengkap diterima oleh CMET, pemprosesan tuntutan oleh Unit Kewangan mengambil masa 14 hari bekerja selepas semua dokumen diserahkan oleh pemohon

5.5.2 Tuntutan lewat daripada tempoh yang ditetapkan dalam bahagian 3.5 mungkin ditolak.

5.6 PENGESAHAN & AUDIT

- 5.6.1 Semua tuntutan tertakluk kepada pengesahan oleh CMET dan Unit Kewangan.
- 5.6.2 Dokumen akan disimpan sebagai rekod audit mengikut tempoh yang ditetapkan oleh PSA.
- 5.6.3 CMET berhak membatalkan tuntutan yang meragukan atau tidak mematuhi syarat.

5.7 PENGECUALIAN KHAS

Sebarang pengecualian terhadap peraturan kewangan hanya boleh dipertimbangkan oleh Pengarah PSA dan dimuktamadkan oleh Mesyuarat CMET, dengan justifikasi bertulis.

BAHAGIAN 6

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

6.1 PENYELIDIK / PEMOHON

Tanggungjawab pemohon adalah seperti berikut:

- a) Mengemukakan permohonan lengkap mengikut syarat dalam Bahagian 2.
- b) Mendahulukan pembayaran aktiviti sebelum membuat tuntutan.
- c) Menyemak kesahihan konferensi/jurnal sebelum memohon dana.
- d) Mematuhi tarikh penghantaran dokumen yang ditetapkan.
- e) Mengemukakan dokumen sokongan lengkap selepas aktiviti (3.5).
- f) Memastikan “affiliation” dan “acknowledgement” dinyatakan dalam artikel atau pembentangan.
- g) Mengelakkan sebarang bentuk “double-dipping” dengan dana lain.
- h) Menyimpan salinan dokumen perbelanjaan untuk rujukan audit.

6.2 URUSETIA RESEARCH & INNOVATION (R&I), CMET

Tanggungjawab urusetia adalah:

- a) Menyemak kesempurnaan borang permohonan dan dokumen sokongan.
- b) Memastikan syarat kelayakan dipatuhi sebelum dibentang kepada mesyuarat.
- c) Menyedia dan menyerahkan kertas penilaian kepada Mesyuarat CMET.
- d) Mengurus dokumentasi keputusan permohonan.
- e) Mengurus rekod permohonan, kelulusan, penolakan dan penangguhan.
- f) Menyemak dokumen tuntutan sebelum dihantar ke Unit Kewangan.
- g) Memastikan resit asal diterima untuk tujuan audit.

6.3 PENGURUS CMET

Pengurus CMET bertanggungjawab:

- a) Merancang tarikh Mesyuarat Dana Inovasi CMET mengikut keperluan.
- b) Mengesahkan permohonan sebelum dibawa ke Mesyuarat CMET.
- c) Melantik penasihat teknikal dalam penilaian permohonan dana.
- d) Membuat semakan akhir dokumen tuntutan dan mengesahkan kesahihannya.
- e) Mengurus polisi, integriti dan kelancaran pelaksanaan Dana Inovasi CMET.

6.4 UNIT KEWANGAN PSA

Unit kewangan bertanggungjawab:

- a) Menyemak resit dan dokumen kewangan mengikut Arahan Perbendaharaan.
- b) Memproses pembayaran setelah menerima dokumen lengkap daripada pemohon.
- c) Menyimpan resit asal sebagai rekod audit.
- d) Menyediakan laporan kewangan berkala berkaitan penggunaan Tabung Amanah yang berkaitan dengan Dana Inovasi CMET.

BAHAGIAN 7

PENAMATAN, PENALTI DAN PENGECUALIAN

7.1 KETIDAKPATUHAN PERMOHONAN

Sesebuah permohonan boleh dianggap tidak mematuhi garis panduan sekiranya berlaku mana-mana keadaan berikut:

- a) Pemohon gagal memenuhi syarat permohonan seperti di Bahagian 2;
- b) Dokumen sokongan tidak lengkap atau tidak sah;
- c) Bayaran telah dibuat sebelum kelulusan CMET;
- d) Pemohon tidak menghantar dokumen sokongan selepas aktiviti dalam tempoh ditetapkan;
- e) Aktiviti terbukti tidak sejajar dengan bidang kepakaran CMET atau tidak diiktiraf;
- f) Terdapat percanggahan maklumat atau ketidakselarasan antara dokumen permohonan dan dokumen aktiviti;
- g) Penggunaan dana bagi tujuan yang tidak dibenarkan

7.2 KETIDAKPATUHAN SELEPAS AKTIVITI (POST- ACTIVITY NON-COMPLIANCE)

Permohonan dianggap bermasalah sekiranya

- a) Dokumen bukti pelaksanaan (sijil, kertas kajian, resit, paparan pembentangan dll.) gagal dihantar;
- b) Resit asal hilang, rosak atau tidak diberikan;
- c) Aktiviti disahkan tidak dijalankan;
- d) Aktiviti berbeza daripada yang diluluskan;
- e) Aktiviti dijalankan tanpa mematuhi keperluan “acknowledgement”/ “affiliation”.

7.3 PENALTI

Bagi mana-mana ketidakpatuhan, tindakan berikut boleh dikenakan oleh CMET:

7.3.1 Pembatalan Tuntutan

Tuntutan akan ditolak sepenuhnya sekiranya dokumen sokongan tidak lengkap atau tidak sah.

7.3.2 Pembekuan Permohonan

Pemohon boleh disekat daripada membuat permohonan baharu selama 6 hingga 12 bulan, jika berlaku:

- a) kegagalan menghantar dokumen selepas aktiviti;
- b) permohonan palsu atau mengelirukan;
- c) bukti aktiviti tidak dapat disahkan.

7.3.3 Penarikan Balik Kelulusan

CMET berhak menarik balik keputusan kelulusan sekiranya berlaku pelanggaran syarat.

7.3.4 Tindakan Tatatertib (Jika Relevan)

Jika terdapat penipuan kewangan, pemalsuan dokumen, atau salah guna dana, kes boleh dirujuk kepada:

- a) Pengurusan PSA
- b) Unit Integriti Bahagian Sumber Manusia atau
- c) Pihak berkuasa berkaitan

7.4 LARANGAN PERTINDIHAN TUNTUTAN (DOUBLE DIPPING)

Pemohon dilarang keras menuntut yuran yang sama daripada:

- a) dana jabatan lain,
- b) geran penyelidikan,
- c) tajaan industri, atau
- d) mana-mana sumber kewangan institusi/agensi lain.

Jika didapati berlaku *double dipping*:











- a) Permohonan dibatalkan,
- b) Dana ditarik balik,
- c) Pemohon tidak dibenarkan membuat permohonan baru selama 1 tahun minimum.

7.5 PENGECUALIAN & PERTIMBANGAN KHAS

- 7.5.1 CMET boleh mempertimbangkan pengecualian bagi kes tertentu seperti:
- a) masalah teknikal sistem;
 - b) isu kesihatan pemohon;
 - c) perubahan tarikh aktiviti oleh penganjur.
- 7.5.2 Pengecualian hanya sah apabila dipersetujui oleh ahli mesyuarat CMET.

BAHAGIAN 8

CARTA ALIR PROSES DALAMAN : DANA INOVASI CMET

TANGGUNG JAWAB	ALIRAN KERJA	PROSES KERJA	REKOD
		Mula	
Penyelidik		Penyelidik menghantar borang permohonan	Borang Permohonan dana Sokongan (CMET/DIC/SFA/Pin 2025) i. Proposal
Pegawai R&I CMET		Semakan pematuhan kriteria permohonan	Borang Permohonan dana Sokongan (CMET/DIC/SFA/Pin 2025) i. Proposal
Pegawai CMET		Kelulusan Mesyuarat CMET	Minit Mesyuarat
Pegawai R&I CMET		Pemakluman keputusan permohonan kepada penyelidik	e-mel kepada penyelidik
Penyelidik		Penyelidik menghantar dokumen setelah selesai aktiviti berkaitan	Borang Laporan Penerbitan/ Pembentangan/ Pertandingan/ Permohonan Hak Cipta (CMET/DIC/CPCCR/Pin 2025) Pembentangan i. Salinan asal resit pembayaran ii. Salinan sijil pembentangan ii. Kertas kajian penuh Penerbitan i. Salinan asal resit pembayaran ii. Kertas kajian penuh Pertandingan i. Salinan asal resit pembayaran ii. Sijil pertandingan Hak Cipta i. Salinan asal resit pembayaran ii. Bukti permohonan MyIPO
Pegawai R&I CMET		Semakan tuntutan dana inovasi CMET	i. Borang Laporan Penerbitan/ Pembentangan/ Pertandingan/ Permohonan Hak Cipta (CMET/DIC/CPCCR/Pin 2025) yang telah lengkap diisi. ii. Salinan asal resit pembayaran ii. Salinan surat kelulusan CMET
Penyelidik		Serahan dokumen tuntutan kepada Unit Kewangan	Borang (CMET/DIC/CPCCR/Pin 2025) dan i. Salinan asal resit pembayaran ii. Salinan surat kelulusan CMET
Pegawai Kewangan		Penyelidik terima bayaran	
		Tamat	



LAMPIRAN

APPLICATION REQUIREMENTS / INSTRUCTIONS

1. Please read the instructions in this form carefully before completing it. Failure to adhere to the eligibility requirements and application procedures could lead to the application being rejected.
2. Applicants must submit **PROPOSAL** when applying support fund from Dana Inovasi CMET.
3. All applicants are required to submit their report **ONE MONTH** prior to the date of the publication/ conference/ competition/ copyright at the latest with the following documents:
4. Each application may receive funding for only one activity – either a presentation, conference, competition, or copyright.
5. Completed form must be submitted to the address below or email to:

Research and Innovation Unit

Center for Medical Electronic Technology,
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
Persiaran Usahawan, Seksyen U1, 40150 Shah
Alam, Selangor.

Email: cmet@psa.edu.my

Phone: 03-51635199

A. APPLICANT'S PARTICULAR

Name: _____

IC No: _____

Contact Number : _____

Email: _____

Have you received CMET Support Fund in the past? YES NO

Research Title: _____

B. DECLARATIONS

The information I have given in this application is true and correct.

Signature: _____ Date: _____
Lead Researcher / Supervisor

C. ENDORSEMENT BY CMET

Accept

KIV

Reject

Comment: _____

Signature

Date

Name and Official Stamp

APPLICATION REQUIREMENTS / INSTRUCTIONS

1. Please fill in the details as required in the form before submitting it to the CMET office.
2. All applicants are required to submit their report prior to the date of the publication/ conference/ competition/ copyright at the latest with the following documents:

Publication

- i. Full paper submitted for publication
- ii. Original receipt of publication fees

Competition

- i. Competition certificate
- ii. Original receipt of competition fees

Conference

- i. Full paper submitted for presentation
- ii. Original receipt of conference fees
- iii. Conference certificate

Copyright

- i. Proof of copyright application from MyIPO
- ii. Official receipt from MyIPO

3. Completed form must be submitted to the address below or email to:

Research and Innovation Unit

Center for Medical Electronic Technology,
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
Persiaran Usahawan, Seksyen U1, 40150 Shah
Alam, Selangor.

Email: cmet@psa.edu.my Phone: 03-51635199

A. APPLICANT'S PARTICULAR

Name: _____

IC No: _____

Contact Number : _____

Email: _____

B. APPLICATION INFORMATION

Publication Conference Competition Copyright

Title of the Paper/ _____

Product: _____

C. DECLARATIONS

The information I have given in this application is true and correct.

Signature: _____ Date: _____
Lead Researcher / Supervisor

D. VERIFICATION FOR CONFERENCE / PUBLICATION/ COMPETITION/ COPYRIGHT REPORT

Please get the verification from the CMET Manager before submitting it to the Financial Department.

Signature: _____ Date: _____
CMET Manager


POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

CMET
CENTRE for MEDICAL ELECTRONIC TECHNOLOGY

eISBN 978-629-7667-71-3

